

06 NOV 2002

SNAP: ANGGOTA AKAN TETAP SETIA KEPADA BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Anggota Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang dibatalkan pendaftarannya, akan tetap setia dengan Barisan Nasional (BN) dan akan meneruskan tugas mereka seperti biasa, kata anggota Parlimen Mas Gading Dr Tiki Lafe hari ini.

Dr Tiki, yang juga Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata semua anggota parti kini berada terus di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, pengerusi BN negeri.

"Tiada perubahan berlaku. Biasalah parti dibatalkan pendaftarannya sebab gagal selesaikan krisis kepimpinan tetapi kami telah berikrar akan taat setia kami kepada kepimpinan BN," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semasa ditanya mengenai pembatalan pendaftaran Snap dan kedudukan anggota parti.

Dr Tiki, yang juga anggota jawatankuasa parti berkata anggota Snap akan menyerahkan kepada Dr Mahathir dan Abdul Taib untuk memutuskan mengenai kedudukan mereka sementara cuba menyelesaikan isu itu dengan merayu kepada Pendaftar Pertubuhan terhadap keputusan pembatalan itu.

"Bagi mereka yang dilantik (memegang jawatan persekutuan) kami akan meneruskan tugas kami dan terserah kepada Perdana Menteri buat keputusan. Kami tidak mahu menjadikan insiden ini menghalang kami daripada meneruskan tugas dan tanggungjawab," katanya.

Snap, sebuah daripada empat parti komponen BN di Sarawak, dibatal pendaftarannya semalam ekoran kegagalannya menyelesaikan krisis kepimpinan parti itu.

-- BERNAMA  
HS HS RON